

CNS5299

R GB 30-04 00175 BA413

Bah

Pekerja - Mahathir

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu para pekerja memikirkan dengan teliti setiap tindak-tanduk mereka dan jangan melakukan tindakan yang akan merugikan diri sendiri.

Dalam perutusannya sempena Hari Pekerja esok, Perdana Menteri berkata pekerja di Malaysia harus merenungi faktor-faktor yang menentukan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Mereka hendaklah berusaha dengan tekun dan gigih serta berdisiplin supaya matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 akan tercapai, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka jugalah yang akan mendapat nikmat yang setimpal sekiranya matlamat negara maju itu menjadi kenyataan.

Perdana Menteri juga menegaskan perlunya diwujudkan keamanan industri bagi menjamin perkembangan ekonomi negara.

Katanya, ekonomi tidak dapat tumbuh tanpa keamanan industri dan ini akan menjejaskan produktiviti.

+Dalam keadaan ini pelabur enggan melabur dan bilangan penganggur akan meningkat. Apabila bilangan penganggur tinggi, maka majikan mudah mendapat pekerja dan dengan itu upah tidak akan meningkat,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Lagi.

♥30/04/13-09MST

CNS5300

U GB 30-04 00091 BA414

Aab

Pekerja - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata upah akan tetap tinggi walaupun di negara yang mempunyai ramai penduduk jika ia mempunyai keamanan industri kerana dalam keadaan itu produktiviti tetap tinggi.

Sebaliknya, kesatuan dan undang-undang dengan sendirinya tidak boleh memperbaiki taraf hidup pekerja jika taraf ekonomi negara tidak berkembang dengan baik.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa undang-undang di Malaysia melindungi hak pekerja dan pekerja pula bebas untuk menubuhkan kesatuan sekerja bagi melindungi dan memperjuangkan kepentingan mereka. -- Bernama.

CNS5548

R GB 30-04 00137 BA451

Aab

Pekerja - Mahathir 3 Kuala Lumpur (sambungan berita terdahulu)

Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba juga berharap para pekerja memainkan peranan untuk mencapai hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam tahun 2020.

Menurutnya, rakyatlah yang akan mendapat faedah besar sekiranya negara terus pesat membangun kerana banyak peluang pekerjaan dapat disediakan.

Sekarangpun kerajaan berusaha dengan gigih untuk menyediakan pekerjaan memandangkan bilangan lepasan sekolah adalah antara 200,000 dan 300,000 orang setiap tahun, katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Luar Venezuela Dr Armando Duran di pejabatnya di sini hari ini.

Katanya, kesatuan sekerja yang bertanggungjawab sangat diperlukan oleh sebuah negara yang mahu mencapai pembangunan kerana ia dapat meyakinkan pelabur untuk menanam modal serta menentukan hubungan perusahaan yang harmoni dengan majikan. -- Bernama.

♥30/04/17-41MST